

## TERLUPA MEMBACA SURAH AL-FATIAH KETIKA SOLAT

Solat mempunyai rukunnya yang tersendiri. Ia terbahagi kepada rukun *fi'li* (perbuatan), rukun *qauli* (perkataan) dan rukun *qalbi* (hati). Jika kesemua rukun-rukun solat ini dilakukan, maka barulah solat yang ditunaikan itu dihukumkan sah.

Membaca surah al-Fatihah merupakan salah satu daripada rukun *qauli* (perkataan). Solat tidak sah sekiranya tidak membaca surah al-Fatihah. Ini berdasarkan sabda Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* yang diriwayatkan oleh Saidina Ubadah bin al-Somit *Radhiallahu 'anhu*:

لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ

Maksudnya: "Tidak ada (tidak sah) solat bagi sesiapa yang tidak membaca surah al-Fatihah".

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 756)

Situasi terlupa membaca surah al-Fatihah ketika mendirikan solat boleh dilihat pada dua (2) gambaran situasi iaitu:

### Situasi 1: Ketika Solat Bersendirian (*Munfarid*)

Sekiranya seseorang solat bersendirian (*munfarid*), maka terdapat beberapa keadaan:

1. Jika dia terlupa membaca surah al-Fatihah lalu teringat bahawa dia tidak membacanya pada ketika itu sama ada dia sedang berada dalam keadaan rukuk, iktidal, sujud, duduk antara dua sujud dan belum berdiri untuk rakaat yang seterusnya, maka dia hendaklah berpatah balik dan bangun (berdiri) dengan segera serta membaca surah al-Fatihah lalu meneruskan solatnya seperti biasa. Kesemua rukun dan perkara sunat yang telah dilakukan ketika dia terlupa membaca surah al-Fatihah tadi adalah tidak diambil kira. Sebelum salam, dia disunatkan untuk melakukan sujud sahwi.
2. Jika dia teringat setelah dia bangun (berdiri) untuk rakaat seterusnya, maka bacaan surah al-Fatihah pada ketika itu menjadi ganti untuk rakaat sebelumnya. Dia hendaklah meneruskan solatnya seperti biasa sehingga jumlah rakaat solat yang sedang dilaksanakan mencukupi.

Hal ini kerana rakaat sebelumnya tadi adalah tidak diambil kira. Sebelum salam, dia disunatkan untuk melakukan sujud sahwi.

3. Jika dia teringat selepas memberi salam dalam waktu yang tidak lama pada *uruf* (kebiasaan) dan belum terjadi ke atasnya perkara yang membatalkan solat, maka dia perlu niat masuk semula ke dalam solat lalu terus bangun untuk menambah satu rakaat lagi sebagai ganti rakaat yang dia terlupa membaca surah al-Fatihah. Sebelum salam, dia disunatkan untuk melakukan sujud sahwi. Adapun jika berlalu tempoh yang lama kemudian dia teringat bahawa ada satu rakaat yang dia terlupa membaca surah al-Fatihah, maka dalam keadaan ini dia perlu mengulangi solat semula secara sempurna kerana solat yang sebelumnya adalah tidak sah.

## **Situasi 2: Ketika Solat Berjemaah Atau Menjadi Makmum**

Sekiranya seseorang menjadi makmum (mengikut imam), maka terdapat beberapa keadaan:

1. Sekiranya dia sedang berada pada rukun perbuatan selain daripada berdiri seperti telah rukuk bersama imam, maka dia tidak boleh berpatah balik dan hendaklah terus mengikut perbuatan imam. Hal ini kerana hukum mengikut imam (متابعة الإمام) ketika solat berjemaah adalah wajib. Setelah imam memberi salam, dia hendaklah bangun semula dan menambah satu lagi rakaat bagi menampung rakaat yang dia tidak membaca surah al-Fatihah.
2. Sekiranya dia seorang makmum yang *muwafiq* (mempunyai masa yang cukup untuk membaca surah al-Fatihah dengan kadar kelajuan bacaan yang sederhana sebelum imam rukuk), tetapi berlaku keuzuran seperti terlupa membaca surah al-Fatihah, atau tidak sempat membaca surah al-Fatihah kerana imam terlalu cepat, atau was-was sama ada sudah membaca surah al-Fatihah atau tidak, maka dia hendaklah membaca surah al-Fatihah dengan segera dan dibenarkan tertinggal sehingga tidak melebihi tiga (3) rukun *fi'li* yang panjang (rukuk, sujud pertama dan sujud kedua). Dalam situasi ini:
  - (a) Sekiranya dia selesai membaca surah al-Fatihah sebelum imam mengangkat dahinya daripada sujud yang kedua, maka dia hendaklah segera rukuk dan melakukan rukun seterusnya (solat seperti biasa) sehingga dia mendapatkan kedudukan bersama-sama imam ketika itu. Pada situasi ini dia dihukumkan mendapat rakaat bersama imam. Namun

sekiranya dia belum menghabiskan bacaan surah al-Fatihahnya sehingga imam mengangkat dahinya daripada sujud kedua, maka batallah solatnya.

(b) Bagi menjaga kesahihan (sah) solatnya, dia (makmum) hendaklah memutuskan bacaan al-Fatihahnya ketika itu dan dia diberi pilihan sama ada:

- i. Terus mengikut perbuatan imam sama ada imam berdiri untuk rakaat seterusnya (pada waktu ini, dia hendaklah membaca surah al-Fatihah semula untuk rakaat yang dia bersama imam) atau terus duduk tahiyat awal atau duduk tahiyat akhir. Inilah pilihan yang lebih utama baginya kerana mengekalkan diri dalam keadaan berjemaah. Setelah imam memberi salam, dia hendaklah bangun menambah satu lagi rakaat.
- ii. Makmum boleh berniat *mufaraqah* (tidak mengikut imam) dan meneruskan solatnya secara bersendirian sehingga akhir tanpa terikat dengan solat imam.